

AMALAN BUDAYA TEMPATAN DALAM MENANGANI ISU SILANG GENDER MENGIKUT PRINSIP HUKUM ISLAM

THE CULTURAL PRACTICES OF THE LOCATION IN THE WAY OF TRANSGENDER WITH THE PRINCIPLES OF ISLAMIC LAW

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin^{1*}
Mohd Anuar Ramli²

¹Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia/Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my)

²Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

(E-mail: mohdanuar@um.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Sharifuddin, N. M. & Ramli, M. A. (2024). Amalan budaya tempatan dalam menangani isu silang gender mengikut prinsip hukum Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 240 -247.

Abstrak: *Amalan budaya tempatan memainkan peranan penting dalam membentuk norma masyarakat khususnya dalam menangani isu gender dalam kerangka perspektif Islam. Hal ini kerana di negara Barat, mereka menyokong individu transgender yang ingin mengubah jantina mereka dengan menggabungkan terapi perubatan dan psikososial, termasuk terapi hormon dan prosedur pengesahan gender (gender reaffirming) dalam rawatan silang jantina. Ia jelas berlakunya kontradiksi di antara amalan budaya tempatan serta hukum Islam kerana rawatan-rawatan yang ditawarkan di Barat adalah melibatkan perubahan jantina asli kepada jantina berlawanan dan ternyata melibatkan pengubahan ciptaan Allah SWT. Oleh itu kertas kerja ini meneroka integrasi amalan budaya tempatan dalam menangani isu silang gender dari sudut Islam. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, memanfaatkan strategi berasaskan perpustakaan yang komprehensif untuk pengumpulan data. Metode dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan pelbagai bahan, termasuk jurnal akademik, laman sesawang dan laporan kes yang berkaitan. Melalui analisis adat tempatan dan prinsip Islam mendapati bahawa cara didikan anak-anak semasa kecil amat penting dalam pembentukan identiti gender mereka. Ajaran Islam yang menyeru untuk memisahkan tempat tidur anak lelaki dan perempuan serta penerapan nilai-nilai agama sejak dari kecil turut memberi impak kepada tumbesaran identiti gender seseorang supaya mereka tidak menyimpang dari fitrah penciptaan Allah SWT.*

Kata kunci: *Budaya Tempatan, Gender, Hukum Islam, Pengubahan (Taghyir), Transgender.*

Abstract: *Local cultural practices play an important role in shaping social norms, in dealing with gender issues within the framework of Islamic perspectives. This is because in Western countries, they support transgender individuals who want to change their gender by combining medical and psychosocial therapy, including hormone therapy and gender reaffirming procedures in cross-gender treatment. It is clear that there is a contradiction between local cultural practices and Islamic law because the treatments offered in the West involve changing the original gender to the opposite gender and turns out to involve the alteration of the creation of Allah SWT. Therefore, this paper explores the integration of local cultural practice in dealing with cross-gender issues from an Islamic angle. In order to this goal, the study uses a qualitative method, using a comprehensive library-based strategy for data collection. Documentation methods are used to gather a wide range of materials, including academic journals, field pages and related case reports. Through the analysis of local customs and Islamic principles found that the way children were raised during their early years was crucial in the formation of their gender identity. The teaching of Islam that calls for the separation of the beds of boys and women and the application of religious values from childhood also has an impact on the growth of one's gender identity so that they do not deviate from the fitrah of Allah's creation.*

Keywords: *Gender, Islamic law, Local culture, Taghyir, Transgender.*

Pengenalan

Allah SWT mencipta makhluk yang bernama manusia sebagai sebaik-baik ciptaan. Fitrah penciptaan manusia disebut di dalam al-Quran terdiri daripada lelaki dan perempuan. Namun, sejajar dengan perkembangan dunia, manusia semakin berani bertindak mencabar kekuasaan Maha Pencipta serta bertindak di luar fitrah penciptaan. Isu silang gender atau lebih dikenali sebagai transgender semakin hangat diperkatakan terutamanya di Barat. Perjuangan mereka untuk menormalisasikan isu ini dalam kalangan masyarakat kian bergerak aktif. Kita dapat lihat impak perjuangan mereka telah membuahkan hasil apabila banyak negara telah memberi pengiktirafan dari sudut undang-undang khususnya. Antara negara-negara yang telah mengiktiraf golongan ini termasuklah Jerman, Perancis, Australia, Bangladesh, Nepal dan banyak lagi. Keberhasilan pengiktirafan ini telah membawa perubahan besar dalam urusan-urusan rasmi seperti penambahan pilihan “not specified” bagi kes kanak-kanak variasi intersex, pilihan gender ketiga untuk dokumen pengenalan diri dan lesen memandu, memperkenalkan “X” - “unspecified” (tidak ditentukan) dan “T” untuk pilihan jantina pada paspot antarabangsa dan lain-lain (Brown, 2017; Taipei Times, 2018; Aziz, 2019; Sifat, 2020). Selain itu, Nepal turut menjadi negara pertama yang mewujudkan kategori jantina ketiga iaitu “other” atau “O” pada dokumen kewarganegaraan (Knight et al., 2015; Mishra, 2016). Di samping itu, dengan bantuan daripada pihak-pihak tertentu seperti klinik-klinik yang menawarkan kaedah rawatan hormon dan pembedahan demi merealisasikan impian manusia untuk mengubah jantina mengikut keinginan mereka.

Namun di Malaysia, penerimaan masyarakat terhadap golongan transgender masih lagi utuh dek pegangan budaya tempatan serta nilai-nilai Islam yang dididik sejak kecil. Jelas kelihatan perlakuan menongkah naluri semula jadi tidak dapat diterima dan sering dipandang serong oleh masyarakat disebabkan perlakuan dan pemakaian mereka yang bertentangan dengan norma. Implikasi daripada ini menyebabkan golongan ini terpaksa menghadapi stigmatasi dan diskriminasi dari pelbagai aspek termasuklah pekerjaan dan kesihatan (Sharifuddin & Ramli, 2023). Dalam mendepani isu golongan silang gender ini dalam masyarakat khususnya masyarakat Muslim, perlu diterapkan budaya-budaya tempatan yang sejajar dengan ajaran

Islam dalam membentuk individu Muslim yang berperilaku mengikut fitrah penciptaan bagi mengelakkan berlakunya terjerumus ke arah budaya silang gender ini. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneroka integrasi amalan budaya tempatan dalam menangani isu silang gender dari sudut Islam.

Metodologi

Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, memanfaatkan strategi berasaskan perpustakaan yang komprehensif untuk pengumpulan data. Kajian kes adalah bersesuaian dengan kaedah penyelidikan kajian ini. Hal ini kerana data yang diperolehi daripada kaedah kajian kes ini akan dikumpul dan dibentuk menjadi satu pernyataan sebagai hasil kajian. Metode dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan pelbagai bahan, termasuk jurnal akademik, laman sesawang dan laporan kes yang berkaitan. Data yang diperolehi berbentuk fakta dan persepsi kemudiannya dianalisis bersesuaian dengan kehendak kajian. Data-data dianalisis secara induktif dan disusun mengikut tema dan dirumuskan dalam bentuk jadual dan rajah. Kaedah analisis kandungan adalah kaedah yang melibatkan proses pembacaan dan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah untuk pengkaji jadikan sumber asas dalam memperoleh data atau maklumat dalam kajian ini. Rujukan-rujukan berkaitan yang dikenal pasti disaringkan, diklasifikasikan, dianalisis dan diulas secara ringkas.

Konsep Silang Gender

Seperti yang diketahui, manusia diciptakan dengan dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Ia dibuktikan dengan ciri-ciri biologi dan fisiologi yang terdapat pada individu seperti organ reproduktif yang berbeza iaitu zakar dan faraj serta ciri kromosom X dan Y (Marini, 1990; Hermawati, 2007; Ramli, 2012; Newman, 2021). Manakala gender pula merujuk kepada konstruk sosial yang berkaitan dengan cara individu harus melihat tingkah laku, mentaliti, peranan dan perbezaan masyarakat antara identiti jantina lelaki dan wanita (Pryzgodna & Chrisler, 2000; Siann, 2013; Manoek et al., 2014). Contohnya seperti jantina lelaki memiliki identiti gender yang maskulin dan berperwatakan kasar manakala jantina perempuan memiliki identiti gender seperti feminin dan bersifat ke arah berperwatakan lemah lembut dan keayuan.

Apabila dikatakan sebagai silang gender, ini bermakna mereka mempunyai keinginan untuk memiliki identiti gender yang bertentangan dengan jantina asal mereka (Ismail, 2015). Sebagai contoh lelaki ingin berperwatakan dan berpenampilan seperti perempuan, vice versa. Dalam dunia kini, golongan ini dikenali sebagai transgender. Di Malaysia, pelbagai gelaran yang digunakan untuk menggambarkan identiti mereka. Gelaran maknyah dan lelaki lembut diberikan kepada lelaki yang berkeinginan untuk menukar identiti ke perempuan dan gelaran pengkid diberikan kepada perempuan yang berkeinginan untuk menjadi lelaki.

Gejala transgender telah mendorong kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan rakyat Malaysia seperti gejala seks luar tabii, homoseksual dan pelacuran (Fadilah, 2006). Hal ini disebabkan oleh perbezaan identiti jantina asal dengan identiti yang mereka kehendaki. Perlakuan songsang mereka ini telah melanggar adat dan budaya tempatan sehingga menyebabkan berlakunya diskriminasi dan stigmatisasi masyarakat dalam penerimaan golongan ini. Kesannya, mereka kehilangan sumber pendapatan sehinggakan ada dalam kalangan mereka menjadi gelandangan akibat tidak mempunyai wang untuk meneruskan kehidupan (Jennings Mayo-Wilson et al., 2020). Oleh itu, demi meneruskan kelangsungan hidup, mereka terpaksa bekerja sebagai pelacur di lorong-lorong untuk mendapatkan wang bagi membiayai sara hidup

seharian seperti tempat tinggal, produk peralihan jantina mereka seperti hormon, pakaian dan lain-lain. Selain itu, mereka turut menjadi mangsa buli dan gangguan sama ada secara lisan atau fizikal seperti dipukul, diejek, dipukul dan buli siber (Earnshaw et al., 2016). Hal ini membuatkan mereka berasa tertekan sehingga mengganggu kesihatan mental mereka seperti kemurungan, kebimbangan dan ada dalam kalangan mereka yang cuba untuk mencederakan diri akibat daripada tekanan sosial yang dihadapi (Newfield et al., 2006; Meyer, 2015; Testa et al., 2015; Dziejawska-Stringer et al., 2019).

Silang Gender Dari Perspektif Islam

Isu penyilangan jantina ini dilihat sebagai isu yang sangat penting pada masa kini disebabkan peningkatan golongan ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Seperti yang diketahui, perbuatan dan tingkah laku golongan ini bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini kerana mereka berperilaku songsang sehingga melakukan sesuatu yang dilarang oleh agama seperti mengambil hormon serta menjalani pembedahan mengubah alat kelamin serta anggota tubuh jantina demi memenuhi orientasi seksual dan identiti gender mereka. Dalam Islam, perbuatan tersebut termasuk di dalam kategori mengubah (taghyir) ciptaan Allah SWT dan hukum mengubah ciptaan Allah tanpa sebarang tujuan dan keperluan adalah haram (Wahbah Zuhaili, 2010). Larangan melakukan perkara di atas termaktub di dalam al-quran, firman Allah SWT:

Terjemahan: Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata.

(An-Nisa':119)

Selain itu, Rasulullah SAW turut melaknat perbuatan menyerupai lelaki atau perempuan yang menyerupai jantina yang bertentangan dengan jantina asal mereka. Perbuatan membuat perubahan kepada diri dan tubuh badan adalah sesuatu yang melanggar hukum Islam tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Hal ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam perbuatan taghyir dan tasyabbuh (Hamdan et al., 2015). Seperti hadis Nabi SAW:

Terjemahan: Dari Ibnu Abbas r.a berkata, "Nabi SAW melaknat al-mukhannathin (lelaki yang menyerupai wanita) dan melaknat al-mutarajjilat (wanita yang menyerupai lelaki)". Dan Nabi bersabda, "Keluarkan mereka dari rumah-rumahmu". Kata Ibnu Abbas, "Nabi SAW telah mengeluarkan seorang lelaki dan Umar pernah mengeluarkan seorang wanita".

(Al-Bukhari, no. 333)

Menurut Al-Zuhaili, pengharaman kepada penyerupaan wanita seperti lelaki dari aspek cara bercakap, berjalan, mencukur rambut, menunjukkan keganasan seperti seorang lelaki. Manakala lelaki pula diharamkan menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan seperti gelang, rantai leher dan anting-anting. Pengharaman itu juga termasuklah cara berjalan, lemah lembut ketika berbicara dan bersolek seperti memakai inai dan alat solek (memerahkan, memutihkan dan mendandani) seperti wanita (Wahbah Zuhaili, 1997). Oleh yang demikian, jelas perlakuan transgender ini jelas haram di sisi Islam berdasarkan pelbagai dalil yang dinyatakan di dalam al-Qur'an, Hadith dan juga ijma' ulama. Justeru, perlu ditegaskan Islam memandang isu melakukan perubahan kepada diri atau badan sebagai perkara yang bercanggah

dengan agama Islam. Pembedahan untuk menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya sudah pasti dilarang sama sekali.

Amalan Budaya Tempatan Dalam Menangani Isu Silang Gender Mengikut Prinsip Hukum Islam

Didikan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak

Anak adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT yang amat berharga. Ia merupakan suatu amanah yang perlu dipikul oleh sang ibu dan bapa dalam mendidik dan membesarkan mereka menjadi seorang Muslim yang sempurna. Didikan awal yang diterima oleh anak bermula dari rumah. Segala perlakuan dan perkataan yang dilontarkan oleh kedua ibu dan bapa akan menjadi contoh dan ikutan anak-anak. Mereka umpama kain putih yang bersih sepertimana terdapat dalam hadith Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang bermaksud :

Terjemahan: Tidak seorang jua pun anak yang baru lahir melainkan dia dalam keadaan suci dan dua orang tuanyalah yang menyebabkan dia menjadi Yahudi, Nasrani, atau Majusi.

(Muslim, no 2658).

Panduan ibu bapa dalam mendidik anak dapat ditelusuri melalui pesanan daripada Luqman al-Hakim yang termaktub di dalam al-Qur'an melalui surah Luqman ayat 12 hingga 19. Antara nasihat-nasihat Luqman dalam mendidik anak termasuklah jangan mempersekutukan Allah SWT, berbuat baik kepada orang tua, jauhi kemungkaran, sabar dalam menghadapi ujian serta sedar akan pengawasan Allah SWT (Rahim, 2018).

Dalam pembentukan identiti, didikan yang baik oleh ibu bapa terhadap sangat penting kerana karakter kanak-kanak dan remaja kebiasaannya terbentuk bermula daripada keluarga iaitu ibu dan bapa (Steinberg, 1990). Sebagai contoh yang dapat dilihat menjadi faktor ke arah pembentukan identiti silang gender adalah keinginan ibu bapa terhadap sesuatu jantina anak (maternal wish) (Green, 1974; Yusof & Timmiati, 2011; Baqutayan et al., 2021). Dalam usaha untuk memenuhi keinginan tersebut, ibu bapa tersilap langkah dalam mendidik anak mereka. Misalnya ibu bapa yang mempunyai keinginan yang kuat untuk mendapat anak lelaki, tetapi yang lahir ialah anak perempuan, maka mereka membesarkan anak tersebut seperti anak lelaki, memberi nama lelaki, memberi pakaian seperti kanak-kanak lelaki, serta memuji penampilan mereka. Ini memberi kesan terhadap pembentukkan anak mereka kerana ia membawa kepada kekeliruan jantina dalam kalangan kanak-kanak tersebut.

Perkara ini jelas bertentangan dengan budaya setempat dimana anak lelaki kebiasaannya dididik untuk berperwatakan tegas untuk menjadi pemimpin, mempunyai fizikal yang kuat, bermain dengan permainan yang adatnya seperti lelaki yang kuat dan kasar (bermain bola sepak) manakala anak perempuan dididik dengan sifat lemah lembut dan bermain anak patung. Kita boleh lihat juga, proses sosialisasi kanak-kanak lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan yang ketara (Ramli, 2004). Hal ini dapat dilihat penjagaan dan pengawasan yang ketat dilakukan ke atas kanak-kanak perempuan berbanding anak lelaki dimana mereka tidak dibenarkan ketawa secara keterlaluan dan tidak bergaul rapat dengan kanak-kanak lelaki. Selain itu, perbezaan terhadap peranan lelaki dan wanita juga dapat dilihat dengan penerapan kerja-kerja domestik yang dididik oleh ibu dan bapa di rumah seperti anak perempuan diajar untuk membantu menguruskan hal ehwal dalam rumah seperti memasak dan mengemas. Manakala anak lelaki diterapkan dengan aktiviti luar rumah seperti menukang dan membasuh kereta.

Dengan adanya didikan sebegini akan menguatkan lagi identiti kanak-kanak agar mereka tidak terdorong ke arah jantina yang bertentangan dengan jantina mereka.

Penerapan Nilai-Nilai Agama

Ilmu agama sangat penting dalam menjadi panduan hidup kerana agama membolehkan manusia menjalani kehidupan dunia dan akhirat yang baik. Agama mengajar umatNya tentang hak dan batil. Seperti firman Allah SWT:

Terjemahan: Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku redai Islam itu menjadi agama bagimu.

(Al-Maidah: 3)

Agama juga memberi kesan terhadap aturan kehidupan manusia di mana wujudnya dosa dan pahala yang menjadi penentu kepada pengakhiran hidup manusia. Apabila elemen agama diabaikan, ia akan menimbulkan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan peraturan yang digariskan dalam Islam. Masa kini, isu-isu sosial kerap disajikan melalui berita-berita di dada akhbar tentang gejala sosial sehingga menjurus kepada perzinaan, jenayah rogol, liwat, oral seks dan sebagainya. Mangsa perlakuan keji ini salah satunya adalah kanak-kanak. Apabila mereka terlibat dalam perlakuan sumbang ini, ia memberi impak negatif dalam perkembangan identiti disebabkan trauma yang mereka hadapi (Byrd & Stony, 2001). Contohnya seperti seorang kanak-kanak perempuan menjadi mangsa rogol sehingga menjadi trauma untuk menjadi perempuan yang lemah bertindak untuk menukar identiti gender dengan berpakaian dan berperwatakan seperti lelaki kerana kebencian yang timbul akibat kesan kisah silam yang pernah dihadapi. Perkara sebegini sangat membimbangkan.

Oleh yang demikian, dalam mengatasi masalah isu sosial itu, penerapan agama sangat penting supaya manusia tahu hukum hakam yang digariskan di dalam Islam supaya ianya tidak menjadi salah satu faktor ke arah pembentukan identiti gender yang bertentangan dengan identiti gender asal. Jika kita lihat, kanak-kanak dihantar ke sekolah agama atau sekolah kafa untuk diberi asuhan dan didikan agama Islam semenjak kecil. Melalui kelas-kelas agama ini, penghayatan nilai Islam dapat diterap melalui ibadah solat yang mana solat adalah tiang agama. Kegagalan mereka dalam menghayati ibadah solat menyebabkan mereka sekadar beragama pada suatu masa dan mengabaikannya pada masa yang lain. Selain itu, dengan menghadiri majlis-majlis ilmu di masjid atau kelas-kelas juga membantu dalam mengekalkan keimanan seseorang mukmin terhadap Allah SWT kerana mereka sentiasa dibimbing dengan kefahaman tentang agama.

Selain itu, Islam turut mengajar manusia tanggungjawab dan peranan lelaki dan wanita (Ramli, 2004). Kita dapat lihat bahawa bebanan yang dipikul oleh lelaki lebih besar setelah bergelar suami. Hal ini kerana mereka wajib menjaga kebajikan dan mencari nafkah untuk menyara isteri dan anak. Manakala wanita yang bergelar isteri turut bertanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan rumah tangga dan ditugaskan untuk mendidik anak mengikut aturan Islam. Apabila seseorang lelaki dan wanita memahami dan menghayati tuntutan agama, maka perkara yang dilarang oleh agama dapat dihindari.

Kesimpulan

Dengan kemajuan teknologi kini, gejala penyilangan gender semakin menular ke dalam masyarakat. Sekiranya gejala ini tidak dibendung dan dikawal, tidak mustahil ia akan merebak

secara berleluasa sehingga membimbangkan masyarakat sejagat khususnya yang beragama Islam. Didikan awal ibu bapa sangat memberi impak yang besar dalam perkembangan identiti gender anak-anak. Oleh yang demikian, anak-anak perlu dididik sebaiknya mengikut acuan al-Qur'an dan as-Sunnah dan tidak boleh terlalu mengikut hawa nafsu. Padahalnya, ia akan memberi kesan jangka panjang terhadap anak-anak khususnya dalam isu silang gender ini. Penghayatan agama juga perlu diterapkan dalam diri manusia tidak kira dari peringkat umur. Apabila agama diabaikan, ia akan memberi impak besar dalam diri manusia dan akan mengacau bilaukan kehidupan di dunia dan akhirat. Jelas Islam amat menitikberatkan pemeliharaan terhadap kesejahteraan manusia. Namun, sekiranya pemeliharaan ini tidak dijaga dengan baik akan menimbulkan implikasi negatif terhadap sistem sosial ketamadunan manusia dan fitrah manusiawi khususnya di dalam isu transgender ini.

Rujukan

- Aziz A, Azhar S (2019). Social exclusion and official recognition of Hijra in Bangladesh. *J Res Women Gend.* 2019; 9: 3-19.
- Baqutayan, S. M., Mahdzir, A. M., Yusof, N. A. M., Saimy, I. S., & Salleh, S. H. (2021). Public opinions and gender issue. *European Review For Medical And Pharmacological Sciences*, 25 (16), 5215–5227. https://doi.org/10.26355/eurrev_202108_26535.
- Brown M. "Female, Male Or Non-Binary: California Legally Recognizes A Third Gender Option On Identification Documents" USA Today 19 October 2017, available at <https://www.usatoday.com/story/news/nation-now/2017/10/19/female-male-non-binary-california-legally-recognizes-thirdgenderidentificationdocuments/779188001/>.
- Byrd, A. D. & Stony, O. (2001). Homosexuality: Innate and Immutable. *HeinOnline Regent University Law Review*, 14, 383-422.
- Dziewanska-Stringer, C & D'Souza, Hayley & Jager, E. (2019). Understanding Discrimination Faced by Transgender People In The Health And Social Care Settings. *European Journal of Public Health*. 29. 10.1093/eurpub/ckz186.667.
- Earnshaw, V. A., Bogart, L. M., Poteat, V. P., Reisner, S. L., & Schuster, M. A. (2016). Bullying Among Lesbian, Gay, Bisexual, And Transgender Youth. *Pediatric Clinics*, 63(6), 999-1010.
- Fadilah Zaini et. al. (2006). "Gejala Lelaki Lembut di IPT: Kajian Kes Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai", ed. Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan di dalam Krisis dan Konflik Institusi Keluarga, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Green, R. (1974). *The Behaviorally Feminine Male Child: Pretranssexual? Pretransvestic? Prehomosexual? Preheterosexual?*. Oxford: Wiley.
- Hamdan, M.N., Ramli, M.A., Rahman, N.N.A, & Zulfahri, A.A.I. (2015). Pemindahan Organ Reproduksi Daripada Perspektif Fatwa Semasa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 5 (1), 107-124.
- Hermawati, T. (2007). Budaya Jawa dan Kesetaraan Gender. 18-24.
- Ismail, Mohd Khairul Anwar. (2015). *Suami Gay Isteri Mak Nyah*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd
- Jennings Mayo-Wilson, L., Benotsch, E.G., Grigsby, S.R., Wagner, S., Timbo, F., Poteat, T., Cathers, L., Sawyer, A.N., Smout, S.A. and Zimmerman, R.S., 2020. Combined Effects of Gender Affirmation And Economic Hardship On Vulnerability To HIV: A Qualitative Analysis Among US Adult Transgender Women. *BMC Public Health*, 20(1), 1-17.
- Knight, K. G., Flores, A. R., & Nezhad, S. J. (2015). Surveying Nepal's third gender: Development, implementation, and analysis. *Transgender Studies Quarterly*, 2(1), 101-122.

- Manoek, S. L., Mbwana, J., Ludwig, S., Kheswa, S., Brown, B., & Merwe, L. V. D. (2014). Police Sensitisation Training Manual: A Guide For South African Police Service (SAPS) Officers To The Rights Of Sex Workers And The LGBTI Community. Cape Town: Women's Legal Centre.
- Marini, M. M. (1990, March). Sex And Gender: What Do We Know?. In Sociological forum (Vol. 5, pp. 95-120). Kluwer Academic Publishers-Plenum Publishers.
- Meyer, I. H. (2015). Resilience In The Study Of Minority Stress And Health Of Sexual And Gender Minorities. *Psychology of Sexual Orientation and Gender Diversity*, 2(3), 209.
- Mishra, A. (2016). Third Gender Rights: The Battle for Equality. *Christ University Law Journal*, 5(2), 9-21. <https://doi.org/10.12728/culj.9.2>.
- Newfield, E., Hart, S., Dibble, S., & Kohler, L. (2006). Female-To-Male Transgender Quality of Life. *Quality of Life Research: An International Journal of Quality-of-Life Aspects of Treatment, Care and Rehabilitation*, 15(9), 1447–1457. <https://doi.org/10.1007/s11136-006-0002-3>.
- Newman T (2021). “Sex And Gender- What's The Difference?” Medical New Today, available at <https://www.medicalnewstoday.com/articles/232363.php>.
- Pryzgod, J., & Chrisler, J. C. (2000). Definitions Of Gender And Sex: The Subtleties Of Meaning. *Sex roles*, 43, 553-569.
- Rahim, A. (2018). Pendidikan Islam Dalam Surah Luqman. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan Dan Kemasyarakatan*, 5174.
- Ramli, Mohd Anuar. (2012). Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Jurnal Fiqh* 9: 137-162.
- Ramli, Mohd Anuar. (2004). Konsep Masyarakat Melayu Mengenai Hubungan Gender . *Jurnal Yadim*, 141 - 152.
- Sharifuddin, N. M., & Ramli, M. A. (2023). Gender Ketiga Di Malaysia: Suatu Sorotan Dari Perspektif Islam . *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 412-421.
- Siann, G. (2013). *Gender, Sex and Sexuality: Contemporary Psychological Perspectives*. Taylor & Francis.
- Sifat R. I. (2020). The Effect of COVID-19 on Hijra (Third Gender) People in Bangladesh. *The lancet. Psychiatry*, 7(12), 1015–1016. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30464-8](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30464-8).
- Taipei Times “Third gender on passports possible: foreign ministry”, 5 Januari 2018, <https://www.taipeitimes.com/News/taiwan/archives/2018/01/05/2003685223>.
- Testa, R. J., Habarth, J., Peta, J., Balsam, K., & Bockting, W. (2015). Development of The Gender Minority Stress And Resilience Measure. *Psychology of Sexual Orientation and Gender Diversity*, 2(1), 65.
- Wahbah Zuhaili (1997). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*. Dar al-Fikr, Damsyik. Jil. 4. H. 2684.
- Wahbah Zuhaili (2010). Mawsu‘ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu‘asirah (Damshiq: Dar al-Fikr), 3:576-580. Al-Shanqiti, *Ahkam al-Jarahah al-Tibbiyah wa al-Athar al-Mutartibihi ‘Alaiha* (Jeddah: Maktabah al-Sahabat, 2008), 190.
- Yusof, F. M., & Timmiati, S. M. (2011). Lelaki Lembut: Faktor Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa. *Jurnal Teknologi*, 113-150.